


K • A • P • S • U • L

PENGUNA

EDISI 3 2021 | NOV-DIS | DITERBITKAN 31 DIS 2021



ANUGERAH PERDAGANGAN DALAM NEGERI 2020 (APDN 2020)

Dirasmikan Oleh:

YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob
Perdana Menteri

23 November 2021 • Selasa

Pusat Konver

• Kuala Lumpur



M/S 3:

**KENAIKAN HARGA BARANG,
APAKAH PERANAN KITA
SEBAGAI PENGUNA?**

M/S 10:

**KPDNHEP LUPUS BARANG
RAMPASAN RM51.91 JUTA**

M/S 12:

**APA YANG ANDA PERLU
BUAT JIKA KENDERAAN
ANDA DITARIK**

Jualan

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

#KELUARGA
MALAYSIA



MAJLIS PERASMIAN ANUGERAH PERDAGANGAN DALAM NEGERI (APDN) TAHUN 2020

KUALA LUMPUR, 23 NOVEMBER 2021 – Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia telah menyempurnakan Majlis Perasmian Anugerah Perdagangan Dalam Negeri (APDN) Tahun 2020 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Pada hari ini, APDN 2020 julung-julung kali diadakan sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih Kerajaan atas peranan penting yang dijalankan oleh pemain-pemain industri sebagai barisan hadapan ekonomi domestik negara.

APDN 2020 ini melibatkan sebanyak 25 kategori anugerah meliputi Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS), Kedai Harga Patut, Francais, Jualan Langsung, Peruncitan, E-Dagang, Media dan Stesen Minyak. Dengan pelaksanaan APDN 2020, ianya diharap dapat menjadi pemangkin serta motivasi kepada barisan hadapan ekonomi agar bekerja dengan lebih gigih dan penuh kesungguhan pada tahun yang mendatang, seterusnya menggerakkan sektor peruncitan untuk kembali memberi sumbangan signifikan kepada pencapaian sektor perkhidmatan negara.

Selain daripada memberi penghargaan kepada barisan hadapan ekonomi dalam membantu memulihkan ekonomi negara khususnya semasa pandemik COVID-19 ini, APDN 2020 ini juga memberikan pengiktirafan kepada barisan hadapan ekonomi bagi setiap usaha dan inovasi yang dilaksanakan demi kelangsungan kepada perniagaan sedia ada. Pada masa yang sama, APDN 2020 ini dapat meningkatkan persaingan sihat dalam sektor peruncitan, PKS dan kepenggunaan. Ianya termasuk membina rangkaian hubungan baik dan memperluas kerjasama di antara Kementerian dan pemain-pemain industri yang berkaitan.



Pada majlis APDN 2020 ini, YAB Perdana Menteri telah menyampaikan 5 Anugerah Perdana seperti berikut:

Bil	Kategori	Anugerah	Pemenang
1.	PKS	SKU/Produk Terbaik	Fathah Frozen Food Sdn Bhd
2.	Peruncitan	Penyertaan Terbaik Kategori KBBM	Mydin Mohamed Holdings Berhad
3.	E-Dagang	Pengendali Pasar/Dalam Talian Terbaik	Ecar Services Malaysia Sdn Bhd (Lazada Malaysia)
4.	Francais	Francais Terbaik (Dalam Negara)	Global Art & Creative Sdn Bhd
5.	Stesen Minyak	Kedai Serbaneka Stesen Minyak Terbaik	Shell Malaysia Trading Sdn Bhd

Manakala, bagi Anugerah Khas Media dimenangi oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) bagi kategori media elektronik paling aktif dan Grup Majalah Karangkraf Sdn Bhd (Sinar Harian) untuk kategori media cetak dan dalam talian paling aktif mempromosikan aktiviti dan berita perdagangan dalam negeri.

ANUGERAH FRANCAIS MALAYSIA IKTIRAF PENGGIAT FRANCAIS CEMERLANG

Putrajaya, 1 Disember 2021 - Anugerah Francais Malaysia 2021 (MAF2021) telah mengiktiraf Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art) sebagai penerima Anugerah Francais Terbaik 2021. Syarikat itu turut merangkul 2 lagi anugerah iaitu Francais Terbaik dan Inovasi Francais Terbaik.

Dalam pada itu, jenama francais terkenal seperti Marrybrown, Tealive, Manhattan Fish Market dan 7-Eleven juga turut memenangi anugerah di MAF2021 ini.

Program anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Persatuan Francais Malaysia (MFA) kali ke-23 ini telah mempertandingkan 13 kategori anugerah di kalangan penggiat francais tempatan dan antarabangsa. Majlis ini yang diadakan untuk mengiktiraf kecemerlangan penggiat industri francais telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

“ Saya percaya setiap kecemerlangan yang ditunjukkan mereka di dalam bidang Industri Francais, haruslah diberikan penghargaan dan pengiktirafan sebagai dorongan dan galakan untuk terus maju dalam lapangan yang diceburi ”

-YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI-

Menurut Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri, penganjuran Anugerah Francais Malaysia dilihat sebagai langkah tepat yang diambil untuk menghargai dan mengiktiraf penggiat francais yang cemerlang ini. Pengiktirafan ini akan menjadi galakan untuk menggerakkan lebih banyak pembiagaan francais yang mampan, serta melahirkan lebih ramai pemain industri francais yang berdaya saing.

Turut diumumkan pada MAF2021 ini, pemenang Cabaran Niaga Francais di bawah Program Francais Siswa 2021 (PFS2021) yang merupakan sebahagian dalam inisiatif Program Francais Mikro dan Francais Mampu Milik yang diperkenalkan tahun 2021.

Johan bagi PFS2021 adalah daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) dengan jenama mereka Apaimobile. UTEM juga turut dinobatkan sebagai juara bagi kategori Video Montaj Terbaik. Dengan tema 'Francais Kerjaya Pilihan', program ini bertujuan untuk mencungkil bakat, kreativiti dan daya inovatif di kalangan mahasiswa dalam bidang keusahawanan.

Majlis ini menerima tajaan daripada pelbagai pihak termasuk City Coin Laundry Sdn Bhd, Harta Maintenance Sdn Bhd, Marrybrown Sdn Bhd dan Perbadanan Nasional Berhad.

Turut hadir di MAF2021 ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Dato' Rosol Wahid, Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad serta Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan.

Berikut adalah senarai pemenang bagi Anugerah Francais Malaysia Tahun 2021:

KATEGORI	PEMENANG	JENAMA
Francais Terbaik Franchise Of The Year	Global Art & Creative Sdn Bhd	GlobalArt
Francaisor Terbaik Franchisor Of The Year	Global Art & Creative Sdn Bhd	GlobalArt
Francaisi Induk Terbaik Master Franchisee Of The Year	7-Eleven Malaysia Sdn Bhd	7-Eleven
Francaisor Harapan Terbaik Emerging Franchisee Of The Year	Lodh Holdings Sdn Bhd	Tealive
Francaisor Antarabangsa Terbaik International Franchisee Of The Year	Revenue Valley Sdn Bhd	The Manhattan FISH MARKET
Francaise Terbaik Franchisee Of The Year	English Sonata SDN BHD	Cambridge English For Life
Francaisi Harapan Terbaik Emerging Franchisee Of The Year	WH Dynamic Legacy	Senheng
Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Francais Terbaik Best Franchise CSR	Marrybrown Sdn Bhd	Marrybrown
Majikan Francais Terbaik Best Franchise Employer	Marrybrown Sdn Bhd	Marrybrown
Inovasi Francais Terbaik Best Franchise Innovation	Global Art & Creative Sdn Bhd	GlobalArt
Rancangan Pemiagaan Francais Terbaik Best Franchise Business Plan	Dynamic IQ	Universiti Malaysia Kelantan
Pemuisan Artikel Industri Francais Terbaik Best Franchise Industry Article Writing Of The Year	Dr. Nurd Ashykin Bin Abd Aziz	Universiti Malaysia Kelantan
Wartawan Terbaik Best Excellent Franchise Journalism	Nor Amirah Binti Mahmudin	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)

100 HARI ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHVAL PENGGUNA

PUTRAJAYA, 28 NOVEMBER 2021 – Menghampiri 100 hari meneraju pentadbiran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), tiga Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang digariskan oleh Kementerian sudah melakar pencapaian 100 peratus.

Tiga KPI itu adalah membabitkan isu berkaitan Sarawak iaitu pengecualian menggunakan Akta Pembangunan Petroleum (PDA) 1974 dan Akta Kawalan Bekalan (CSA) 1961 masing-masing di bawah kuasa KPDNHEP, menurunkan harga kit ujian pantas (RTK) antigen dan memastikan kemampaman industri francais.

Melangkah ke hadapan, fokus Kementerian seterusnya adalah memastikan harga barang keperluan asas yang ketika ini mencatatkan peningkatan, dapat distabilkan menerusi mekanisme tertentu.

Dalam sesi temuramah program Ruang Bicara: Aspirasi Keluarga Malaysia KPDNHEP yang disiarkan di Bernama malam tadi, Dato Sri Alexander Nanta Linggi berkata, susulan perbincangan yang telah diadakan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makar...n (MAFI), Kementerian Kewangan (MOF) serta pihak berkepentingan berkaitan isu kenaikan harga barang seperti sayur, ayam dan telur, usaha penyaluran bantuan kewangan bagi menyerap peningkatan kos di peringkat pengeluar dan pemborong sudah dirangka.

“ Kini, RTK antigen boleh didapati di premis peruncitan pada harga serendah RM4.90, lalu pengurangan sebanyak 87.7 peratus berbanding harga asal lalu RM39.90, ketika peranti ini mula dijual di pasaran. ”

-DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI-

Bersandarkan rundingan dan kerjasama antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta pengusaha perniagaan, harga RTK antigen secara kendiri didapati merekodkan penurunan dua kali dalam tempoh kurang dua bulan, sejak harga siling diukur pada September lalu. Kejayaan ini selaras Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) yang digariskan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan merupakan satu daripada tiga indeks petunjuk prestasi (KPI) KPDNHEP.

Susulan impak faktor persaingan, lambakan RTK antigen yang dijual di pasaran sehingga menjangkau 83 jenama dan pengeluar (berdasarkan maklumat Piak Berkua Perubatan (MDA) setakat 24 November 2021), maka KPDNHEP mengambil pendirian bahawa tiada keperluan untuk menetapkan harga siling bagi peranti ini.

Asas lain di sebalik keputusan KPDNHEP ini ialah sekiranya harga siling masih terus ditetapkan, ia dikhuatir mengundang manipulasi di peringkat pengedaran dan penjualan kepada pengguna. Berkemungkinan, premis atau pihak yang menjual di bawah paras harga siling, boleh mengambil keputusan untuk menaikkan harga, memandangkan masih ada margin harga jualan untuk mereka berbuat demikian.

KENAIKAN HARGA BARANG, APAKAH PERANAN KITA SEBAGAI PENGGUNA?

Kekurangan bekalan dan kenaikan harga barang baru-baru ini menimbulkan banyak persoalan, mengapa berlaku? apakah solusinya? Siapakah yang bertanggungjawab? Malaysia tidak terkecuali berdepan kenaikan harga barang ketika ini berikutan pandemik Covid-19, malah ia tidak dapat dielak kerana turut berlaku di seluruh dunia.

Seperi tidak berpenghujung, saban tahun pasti berulang kemelut isu harga barang. Mengapa agaknya? Lagi-lagi setelah dunia dilanda pandemic Covid-19. Di samping banyak pihak yang menudung jari, semua ini juga terjadi di sebalik pelbagai langkah serta penguatkuasaan yang dilakukan pihak berkuasa.

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, kelemahan mata wang dan kebergantungan negara terhadap barang import sama ada barang mentah dan makanan menambahkan lagi kesan inflasi dan kenaikan harga.

Katanya, situasi kenaikan harga barang terutama di kawasan luar bandar adalah realiti sebenar kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada ekonomi negara.

Namun begitu sebagai pengguna, apakah yang boleh kita lakukan untuk mengurangkan perbelanjaan kita. Bagi mengatasi masalah ini, kita perlu berbelanja secara bijak iaitu mendapatkan barang yang perlu dibeli pada harga lebih rendah. Pelbagai cara boleh diguna untuk membantu kita berbelanja dengan bijak, seperti penggunaan aplikasi Price Catcher bagi membuat perbandingan harga barang tempat yang menawarkan harga yang berpatutan.

Melakukan perbandingan harga di setiap pasar raya berbeza juga mampu membantu mendapatkan harga terbaik. Simpan semua risalah yang sering dihantar di depan rumah atau terselit dalam akhbar untuk sumber rujukan.

Cuba elak melakukan kesilapan yang menyebabkan kita perlu berbelanja lebih antaranya tidak membuat semakan stok barang yang ada di rumah sebelum keluar membeli.

Membeli barang dapur adalah perkara rutin dilakukan setiap individu khususnya mereka yang sudah berkeluarga. Namun, sedar atau tidak, perkara mudah seperti ini boleh menyebabkan masalah besar sekiranya tidak dirancang dengan teliti.

Keadaan biasa yang dapat dilihat kita cenderung membeli barang tiada dalam senarai dan yang lebih membimbangkan membeli barang tidak perlu. Perkara ini seperti sudah menjadi kebiasaan, apabila sampai sahaja di pasaraya, nafsu mula menguasai diri. Barang kehendak kadangkala melebihi barang keperluan.

Ini kerana kita cenderung membeli lebih daripada apa yang diperlukan kerana tidak menyediakan senarai semak, selain rambang mata dengan jualan murah. Keadaan itu boleh menyebabkan peruntukan pembelian barang dapur tidak mencukupi hingga terpaksa mengambil atau meminjam wang daripada peruntukan lain dan lebih teruk apabila terpaksa menggunakan kad kredit.

Periksa peti ais dan ruang simpanan bahan kering untuk mengelakkan membeli barang yang masih ada terutama yang tidak tahan lama. Sebaik-baiknya sediakan senarai semak bagi memudahkan proses pembelian dan yang lebih utama ia akan memastikan kita berada di 'landasan' betul ketika membuat pembelian.

Ketika menolak troli, kumpulkan barang kering dan barang yang sudah dibungkus seperti produk dalam tin atau kotak terlebih dahulu. Kemudian baru mencari barang segar yang perlu disejuk atau dibekukan.

Jangan malu membuat perbandingan harga dan jenama kerana ada masanya produk berjenama jauh lebih murah terutama ketika promosi.

Semak juga tarikh luput produk kerana ada kemungkinan ia dijual pada harga sangat murah, namun jangka hayatnya hampir tamat.

Walaupun kebanyakan individu gemar membeli-belah di pasar raya besar, namun jangan dilupakan terus kedai runcit berhampiran rumah kerana adakalanya, harga barang yang dijual di kedai seperti itu lebih murah berbanding pasar raya besar.

Apa yang lebih penting semak resit pembelian sebelum meninggalkan kaunter. Jika perlu ambil gambar tag harga pada rak bagi memudahkan semakan harga dibuat ketika di kaunter pembayaran.

Ini kerana, ada ketikanya pasar raya boleh melakukan kesilapan di mana berlaku perbezaan harga pada rak dan dalam sistem.

CARI ALTERNATIF

Walau apa pun, pengguna akan terus menjadi mangsa jika masih mahu terus berada dalam zon keselesaan hidup mereka. Sikap tidak bersedia untuk mencari alternatif kepada kemelut kenaikan harga barang ini akan membuatkan masyarakat pengguna terus terperangkap dengan isu yang tidak berkesudahan ini.

Memang ada pengguna yang belum bersedia untuk mencari alternatif jika berlaku kekurangan barang keperluan. Contohnya bekalan gula. Jika harga naik atau bekalan berkurangan oleh kerana faktor tertentu, pengguna perlu mengurangkan pengambilan gula atau mencari pemanis alternatif. Tetapi apa yang berlaku, sesetengah pengguna lebih suka merungut.

Begitu juga apabila berlaku kenaikan harga ayam, ada pengguna yang tidak bersedia untuk beralih kepada daging lembu atau ikan. Sebaliknya mereka merungut kerana harga ayam naik dan anak

“

Pengguna di negara ini, perlu bersikap bijak mencari pilihan lain apabila berlaku kenaikan harga barang tertentu bagi memaksa industri menstabilkan semula harga barang keluaran dan jualan mereka

”

mereka suka makan daging ayam. Sepatutnya masa itulah mereka boleh mendidik anak mereka tentang isu-isu kepenggunaan.

Pengguna sewajarnya bersikap bijak menentukan permintaan barang supaya permintaan tidak menjadi terlalu tinggi sehingga menyebabkan industri bertindak menaikkan harga.

Negara kita sama seperti negara yang lain, terdedah dengan perubahan kos sara hidup. Kerajaan tidak selama-lamanya berkemampuan untuk memberikan subsidi khasnya apabila berlaku kekangan kewangan.

Oleh itu, pengguna sendirilah yang perlu melakukan perubahan.



INISIATIF BAHRU KERAJAAN DALAM MENANGANI KENAIKAN HARGA BARANG

Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak Lanjutan tempoh sehingga Mac 2022

1

Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM)
Pelaksanaan lebih awal dan panjang

2

Mempertingkatkan Penguatkuasaan dan Perundungan AKHAP 2011 dan Akta Persaingan 2010

3

Program (PJKM)

Jualan
PERJALANAN
KELUAR
Pelaksanaan sehingga Mac 2022

4

Program Jualan Malaysia (PJM) 2022
Perluasan kepada Jualan Murah Akhir Tahun (YES)

5

Pelaksanaan sehingga Mac 2022



Peniaga Beretika

TINDAKAN KEPADA PENIAGA YANG MELAKUKAN KENAIKAN HARGA MELAMPAU

1 NOTIS dikeluarkan kepada peniaga jika ada aduan.

2 KPDNHEP akan meminta PENJELASAN dari peniaga terbabit

3 Jika gagal kemukakan penjelasan terperinci terhadap kenaikan harga, Peniaga boleh dikenakan tindakan di bawah AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN

Gunakan kuasa beli pengguna di sebalik angka inflasi



Tahukah anda harga roti canai kosong sekarang rata-rata adalah antara RM1.20 dan RM1.80 sekeping? Makanan penghubung antara budaya dan bangsa ini pada zaman dulu hanya dijual dengan harga di bawah RM0.50 sekeping!

Fenomena ini dikenali sebagai inflasi, iaitu kenaikan harga yang berlaku pada barang dan perkhidmatan dalam satu tempoh masa – satu realiti kehidupan yang tidak dapat dielakkan, malah mengiringi kehidupan kita seumur hidup.

Oleh itu, kita harus memahami inflasi dengan lebih mendalam sambil mengupasnya dengan minda terbuka.

PEMAHAMAN DI SEBALIK ANGKA INFLASI

Setiap bulan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mengeluarkan maklumat berkenaan inflasi negara.

Apakah makna angka tersebut bagi orang awam?

Ada yang gusar, tetapi lebih ramai yang tidak memberikan apa-apa reaksi kerana mungkin mereka tidak memahami angka-angka tersebut dan kesannya kepada kehidupan mereka.

Dalam istilah ekonomi, inflasi bermaksud suatu kenaikan dalam tingkat harga umum barang dan perkhidmatan dari semasa ke semasa. Ia merupakan indikator bagi kenaikan harga barang dan perkhidmatan di Malaysia. Mungkin masih teknikal?

Artikel ini bertujuan untuk berkongsi sedikit maklumat bagi meningkatkan pengetahuan serta kefahaman sebenar mengenai inflasi dan memainkan peranan sebagai pengguna yang bijak.



Apakah itu inflasi? Secara umumnya, inflasi merupakan satu kenaikan harga yang berlaku bagi barang dan perkhidmatan dalam satu tempoh masa tertentu.

Kadar inflasi lazimnya diukur melalui pengiraan Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi perubahan harga item-item di dalam bakul tetap barang dan perkhidmatan dalam satu tempoh masa.

Terdapat rakyat yang beranggapan bahawa apabila kadar inflasi menunjukkan peningkatan, bermakna harga bagi semua barang dan perkhidmatan telah naik dan menjadi semakin mahal.

Apakah tanggapan itu benar? Bagi menjawab persoalan ini, terlebih dahulu perlu difahami apakah maksud di sebalik angka inflasi dan apakah kaedah yang digunakan untuk mengukur kadar inflasi.

PENGKELASAN BARANG DAN PERKHIDMATAN

Sebelum memahami bagaimana kadar inflasi diukur, pengelasan terhadap setiap item barang dan perkhidmatan perlu diketahui terlebih dahulu.

Pemilihan item dalam bakul barang dan perkhidmatan adalah berdasarkan kepada nilai penggunaan yang diperolehi melalui Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES) yang dilaksanakan dua kali dalam tempoh lima tahun.

Sebanyak 168,000 harga yang melibatkan 552 barang dan perkhidmatan dengan 781 spesifikasi dikutip setiap bulan di seluruh negara di lebih kurang 21,800 premis/kedai terpilih.

Data tersebut mewakil sampel yang dipilih secara saintifik daripada harga yang dibayar oleh pengguna bagi barang dan perkhidmatan yang dibeli.

Spesifikasi bagi setiap item barang dan perkhidmatan akan dikelaskan kepada setiap kelas perbelanjaan dan kemudian disusun mengikut sub-kumpulan barang dan perkhidmatan. Sub-kumpulan ini kemudian dikategorikan kepada kumpulan utama.

Terdapat 12 kumpulan utama barang dan perkhidmatan mengikut susunan wajarnya seperti berikut:

12 KUMPULAN UTAMA IHP DAN WAJARAN



CONTOH PENGKELASAN ITEM IHP

KUMPULAN UTAMA

12 KUMPULAN UTAMA



MAKANAN & MINUMAN BUKAN ALKOHOL



IKAN & MAKANAN LAUT

SUB-KUMPULAN



KELAS PERBELANJAAN



IKAN SEGAR

552 ITEM / 781 ITEM SPESIFIKASI



ITEM SPESIFIKASI



IKAN TENGOROK



MATA INDEKS 153.4 (JUN 2020) IALAH PENINGKATAN HARGA SEBANYAK 53.4% DI ANTARA JUN 2010 HINGGA JUN 2020

KADAR INFLASI = 0.7 % ADALAH PERATUS PERUBAHAN IHP JUN 2020 DAN JUN 2019



BAGAIMANA INFLASI DIUKUR?

Kadar inflasi diukur melalui pengiraan IHP. IHP mengukur perubahan harga bagi sesuatu barang dan perkhidmatan yang diterjemahkan dalam bentuk indeks berwajarnya. Kadar inflasi pula mengukur peratus perubahan yang berlaku pada tingkat harga tersebut. IHP menggunakan asas harga tahun 2010 dengan indeks asas sebanyak 100 bagi tujuan perbandingan pengiraan.

Sebagai contoh, indeks harga bagi sub-kumpulan ikan pada bulan Jun 2020 ialah 153.4 bermaksud harga barang dan perkhidmatan telah meningkat sebanyak 53.4% di antara Jun 2010 sehingga Jun 2020.

Manakala, inflasi subkumpulan ikan bagi bulan Jun 2020 yang mencatatkan kadar 0.7% bermaksud harga bagi Jun 2020 telah meningkat sebanyak 0.7% berbanding Jun 2019.

Setiap item spesifikasi barang dan perkhidmatan mempunyai kadar inflasi masing-masing. IHP digunakan untuk mengukur kadar inflasi bagi setiap item spesifikasi barang dan perkhidmatan ini. Oleh itu, kadar inflasi terdapat di setiap peringkat pengelasan item, kelas perbelanjaan, sub-kumpulan sehingga ke kumpulan utama.



APAKAH MAKSUD WAJARAN DALAM IHP?

Item-item di dalam bakul barang setiap kumpulan utama mempunyai wajaran atau nilai pemberat yang berbeza-beza merujuk kepada kecenderungan atau kepentingan pengguna terhadap sesuatu barang atau perkhidmatan itu. Semakin banyak perbelanjaan isi rumah ke atas sesuatu item tersebut, maka semakin tinggi nilai peratus wajarannya.

TIGA KUMPULAN UTAMA YANG MEMPENGARUHI KESELURUHAN INFLASI




Daripada 12 kumpulan utama, tiga kumpulan merupakan kumpulan yang mempunyai nilai wajaran tertinggi iaitu:




Kumpulan ini dibahagikan kepada tiga pengelasan utama iaitu:

IHP digunakan untuk mengukur kadar inflasi bagi setiap item spesifikasi barang dan perkhidmatan ini. Oleh itu, kadar inflasi terdapat di setiap peringkat pengelasan item, kelas perbelanjaan, sub-kumpulan sehingga ke kumpulan utama.

Di bawah Makanan Di Rumah, terdapat sembilan sub-kumpulan mengikut susunan wajaran seperti di paparan berikut:




Di bawah Makanan Di Luar Rumah, terdapat 19 sub-kumpulan mengikut susunan wajaran seperti di paparan berikut:




Kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain mempunyai wajaran kedua terbesar dalam IHP yang merangkumi 23.8% daripada keseluruhan perbelanjaan barang dan perkhidmatan oleh pengguna isi rumah. Di bawah kumpulan ini, terdapat empat sub-kumpulan mengikut susunan wajaran berikut:

PERUMAHAN, AIR, ELEKTRIK, GAS DAN BAHAN API LAIN (23.8%)



Kumpulan Pengangkutan mempunyai wajaran ketiga terbesar dalam IHP yang merangkumi 14.6% daripada keseluruhan perbelanjaan barang dan perkhidmatan oleh pengguna isi rumah. Terdapat tiga sub-kumpulan di bawah kumpulan ini mengikut susunan wajaran berikut:



Jika diteliti kelas perbelanjaan di bawah sub-kumpulan Pengurusan Alat Pengangkutan Persendirian, Bahan Api & Pelincir Untuk Pengangkutan Persendirian, yang terdiri daripada petrol RON95 (wajaran: 93.8%), RON97 (wajaran: 3.5%) dan Diesel (wajaran: 2.7%) merangkumi sebanyak 8.5% daripada 14.6% wajaran keseluruhan kumpulan Pengangkutan dan juga keseluruhan bakul IHP.


Dalam erti kata lain, kelas perbelanjaan bagi Bahan Api & Pelincir untuk Pengangkutan Persendirian merupakan wajaran yang terbesar dalam bakul IHP dan RON95 merupakan item yang mewakili wajaran terbesar dalam kelompok ini.

Oleh itu, perubahan harga jualan runcit RON95 merupakan elemen yang sangat mempengaruhi perubahan dalam inflasi kumpulan Pengangkutan yang seterusnya memberikan impak yang signifikan kepada perubahan inflasi secara keseluruhannya.



BAHAN API UNTUK PENGANGKUTAN PERSENDIRIAN

8.5%



ANALOGI WANJARAN DALAM KONTEKS PERBELANJAAN

Dalam konteks perbelanjaan isi rumah pengguna, wang poket sebanyak RM100 akan dibelanjakan mengikut kepentingan berikut:

- RM29.50 (29.5%) digunakan untuk perbelanjaan makanan dan minuman bukan alkohol sahaja
- RM23.80 (23.8%) digunakan untuk perbelanjaan berkaitan perumahan seperti bayaran bil air, bil elektrik, gas dan sebagainya.
- RM14.60 (14.6%) digunakan untuk perbelanjaan bagi pengangkutan seperti penggunaan petrol kenderaan, diesel, bayaran tiket penerbangan, bayaran tol, bayaran parking dan sebagainya



Ini bermaksud, lebih kurang 68% perbelanjaan isi rumah akan digunakan bagi tujuan ketiga-tiga kumpulan di atas, manakala selebihnya akan digunakan untuk lain-lain perbelanjaan.

Oleh kerana barang dan perkhidmatan dalam ketiga-tiga kumpulan ini mendominasi keseluruhan perbelanjaan isi rumah, maka ia adalah amat relevan dan signifikan kepada pengguna.

Dalam hal ini, sebarang kenaikan harga yang berlaku dalam mana-mana barang dan perkhidmatan di bawah ketiga-tiga kumpulan ini akan memberikan kesan besar kepada perbelanjaan isi rumah pengguna.

Apa yang boleh kita rumuskan Adalah seperti berikut:

Oleh kerana nilai inflasi ini dibentuk daripada 781 item spesifikasi barang dan perkhidmatan, maka apabila inflasi pada bulan tertentu mencatatkan peningkatan, tidak bermakna keseluruhan barang serta perkhidmatan turut mengalami kenaikan harga.

Sebagai contoh, inflasi April 2021 sebanyak 4.7% memberi gambaran secara umumnya perbelanjaan yang dikeluarkan untuk membeli barang dan perkhidmatan meningkat berbanding tahun sebelumnya. Begitu juga gambarannya untuk kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol yang turut memperlihatkan peningkatan kadar inflasi.

Namun secara hakikatnya, pengguna tidak membeli kesemuanya item-item dalam kumpulan tersebut, sebaliknya membeli mengikut keperluan individu. Jika kita menjurus kepada item-item spesifik dalam kumpulan berkenaan, kita dapatkan bukan semua item mencatatkan peningkatan harga.

Bagi bulan April 2021, sebanyak 32 item di bawah kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol didapati mengalami penurunan harga berbanding tahun sebelumnya.

PERANAN PENGGUNA YANG BIJAK

Inflasi berkait rapat dengan faktor permintaan pengguna kerana apabila permintaan terhadap barang dan perkhidmatan meningkat sertamengatasi kemampuan kuantiti pengeluaran barang dan perkhidmatan oleh pembekal, peningkatan harga akan berlaku.



Inflasi juga mencerminkan kuasa beli pengguna. Secara teorinya, inflasi mempunyai hubungan yang berlawanan dengan kuasa beli di mana apabila inflasi berlaku, maka kuasa beli pengguna akan menyusut kerana kurangnya kemampuan pengguna untuk membeli barang yang pada itu di tahap yang mahal.

Bagaimanapun, corak pembelian dan perbelanjaan rakyat Malaysia secara amnya dilihat cenderung untuk membeli barang yang biasa dibeli. Dalam erti kata lain, pengguna di Malaysia akan membeli barang yang biasa dibeli walaupun harganya meningkat. Oleh kerana itu, permintaan pengguna masih wujud dan kenaikan harga akan tetap berlaku.

KUASA BELI PENGGUNA MAMPU MENGAWAL HARGA

Petunjuk kenaikan harga bagi sesuatu barang atau perkhidmatan menerusi kadar inflasi boleh menjadi satu rujukan kepada pengguna untuk membuat perbandingan harga. Gelagat pembelian pengguna (*Consumer Purchasing Behaviour*) yang selama ini cenderung memilih item kegemaran walaupun harganya tinggi, harus diubah dan digalakkan supaya membuat perbandingan harga terlebih dahulu dan mencari produk atau jenama alternatif yang menawarkan harga berpatutan.

Pengguna harus mempunyai kesedaran bahawa mereka berhak untuk memilih barang dan perkhidmatan yang harganya adalah jauh lebih rendah tetapi mempunyai kualiti yang sama dengan item kegemaran mereka.

Perubahan gelagat pembelian seperti yang dilakukan oleh "Makcik Kiah" boleh juga berlaku kepada pengguna-pengguna lain dan ini akan sedikit sebanyak dapat mempengaruhi permintaan terhadap sesuatu barang di pasaran. Seterusnya impak kepada pengurangan permintaan pengguna ini akan dapat membantu mengawal harga di pasaran.

Selain itu, pengguna tidak sepertunya taksub kepada jenama tertentu, jenis barang tertentu dan premis kedai tertentu sahaja. Pilihan ditangan pengguna. Pengguna bebas untuk memilih barang atau perkhidmatan di mana-mana premis yang menawarkan harga yang lebih berpatutan kepada mereka.

Pengguna tidak sepertunya taksub kepada jenama tertentu, jenis barang tertentu dan premis kedai tertentu sahaja. Pilihan ditangan pengguna.

Aplikasi seperti Price Catcher yang disediakan oleh KPDNHEP amat berguna dalam membantu pengguna membuat perbandingan premis yang menawarkan pelbagai pilihan item dengan harga yang berbeza.

Price Catcher secara tidak langsung dapat melihat situasi harga runcit di pasaran setiap hari di samping membantu pengguna membuat keputusan yang bijak dalam pembelian. Dengan adanya aplikasi ini, pengguna dapat dipupuk supaya merancang pembelian dengan bijak dan membudayakan gelagat ini di kalangan pengguna.

BAGAIMANA UNTUK MENJADI PENGGUNA YANG BIJAK?

Dalam isu ini, inflasi boleh dikawal dengan memperbaiki gelagat pembelian. Pengguna boleh menjadi seorang pengguna yang bijak dengan langkah-langkah berikut:

PERANCANGAN

Merancang perbelanjaan lebih baik sebelum pergi membeli belah

ITEM PENGGANTI

Monukar kecenderungan atau preference dalam keadaan wujud item pengganti bagi item yang menunjukkan harga di luar kemampuan pengguna

PERBANDINGAN

Sentiasa membuat perbandingan harga untuk memastikan pengguna memilih harga yang berpatutan

APLIKASI

Pengguna boleh membuat perbandingan harga menerusi aplikasi Price Catcher untuk membuat keputusan yang bijak


LIMITASI

Membeli barang dalam kuantiti yang sewajarnya

BERTENANG

Tidak membuat panic buying atau berbelanja dalam kuantiti yang melebihi keperluan sebenar yang akan menyebabkan harga melonjak naik

Peranan pengguna sebagai kuasa beli mampu mempengaruhi permintaan dan pengeluaran di peringkat pengeluar/pembekal yang dapat menentukan perubahan dalam harga barang dan perkhidmatan di pasaran. Ini kerana pengeluaran sesuatu barang dan perkhidmatan bergantung kepada permintaan pengguna. Oleh yang demikian, sekiranya pengguna boleh berbelanja dengan bijak, perubahan harga di pasaran dapat dikawal seterusnya mampu mengawal kadar inflasi.





Menguruskan Isu Kos Sara Hidup

Isu kenaikan harga barang menghangatkan persidangan Dewan Rakyat sejak akhir-akhir ini. Bukan sahaja di dalam Dewan Rakyat, malah di sosial media dan intipati di dalam akbar-akbar juga begitu rancak berdiskusi tentang kenaikan harga barang.

Isu kenaikan harga barang dan makanan, terutamanya ayam, sayur-sayuran dan telur, terus menjadi perhatian rakyat, terutamanya dalam suasana sektor ekonomi baru sahaja dibuka semula selepas hampir dua tahun terjejas akibat COVID-19.

Antara beberapa faktor yang dikenal pasti selain fenomena global, adalah masalah yang berlaku pada rantai pembekalan, iaitu daripada pembekal (penternak dan petani), pemborong, dan peruncit - termasuk masalah logistik.

Susulan kenaikan harga yang merunsingkan masyarakat itu, ikut wawancara bersama Datuk Rosol Wahid, Timbalan Menteri KPDNHEP, dengan topik yang dibincangkan tentang Isu Harga Barang dan Kos Sara Hidup di dalam rancangan Soal Rakyat yang disiarkan melalui TV3 pada Disember 2021.

SOALAN 1

Sejak kerajaan mengumumkan pembukaan sektor ekonomi dan pelancongan, isu kenaikan harga barang mula diperkatakan dan ia dilihat belum begitu reda sehingga kini. Bagaimana Dato' melihat isu ini, apakah punca dan adakah ia serius?

- Kerajaan sentiasa ambil serius isu-isu membabitkan kepentingan rakyat termasuk kenaikan harga barang.
- Kementerian menyedari dan tidak pernah menafikan berlaku kenaikan harga barang berdasarkan pemantauan dan pemeriksaan harian oleh 1,000 Pegawai Pemantau Harga di 1,500 lokasi seluruh negara.
- Cuma apabila ada pihak mendakwa kenaikan harga sayur sehingga 200 peratus yang dibuat tanpa bukti dan justifikasi yang jelas.



Kementerian tidak pernah memandang sepi setiap aduan dan laporan kenaikan harga yang dilutarkan. Isu harga barang bukan berlaku di Malaysia sahaja, tetapi di seluruh dunia, kesan pandemik COVID-19. Malaysia negara ekonomi terbuka dan pasaran bebas yang mana permintaan dan penawaran terhadap sesuatu barang menjadi penentu harga.

- Ia timbulkan suasana panik pada rakyat yang beranggapan kenaikan harga terlalu tinggi berbanding yang sebenarnya.
- Kajian badan dunia seperti World Economic Forum, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Institut Penyelidikan Dasar Makanan Antarabangsa menyokong fakta kenaikan harga barang di peringkat global.
- Laporan Cable News Network (CNN) juga menyebut kenaikan harga makanan dunia melonjak sehingga 30 peratus tahun ini.

- Faktor-faktor yang paling berkait rapat dalam isu ini ialah apabila sektor ekonomi dan pelancongan dibuka selepas PKP, permintaan melebihi penawaran kerana banyak sektor yang sebelum ini ditutup kembali beroperasi - restoran, hotel, kebenaran menganjurkan majlis dengan sop yang lebih fleksibel.
- Industri pula mengehadkan pengeluaran ketika PKP dan perlahan-lahan membuat pengubahsuaian untuk meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi kehendak pasaran.
- Jadi apabila berlaku permintaan mendadak, ia berkesan pada harga barang.
- Dalam masa sama, faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi perubahan harga yang agak mendadak ialah:
 - i. Perubahan cuaca dan bencana dalam negara
 - ii. Perubahan cuaca dan bencana di negara pengeluar contohnya Cina yang menganggu harga sayuran diimport
 - iii. Kejatuhan nilai ringgit
 - iv. Peningkatan harga bahan import seperti makanan ayam (soya dan jagung)
 - v. Peningkatan kos pengeluaran dan logistik
 - vi. Kekurangan tenaga kerja termasuk buruh asing yang menyebabkan berlaku gangguan dalam pengeluaran hasil ladang dan tani
 - vii. Peningkatan harga komoditi di pasaran global (sawit)
 - viii. Kadar inflasi

SOALAN 2

Kalau kita lihat kenaikan harga barang ini adalah isu yang berulang-ulang dan seolah-olah tiada penyelesaian tuntas yang boleh menjamin ia tidak akan berulang. Boleh Dato' komen?

- Dalam isu harga barang ini, kementerian terus dan masih berusaha untuk menangani isu kenaikan harga.
- Bagaimanapun, langkah-langkah penyelesaian jangka panjang dan holistik yang dicadangkan KPDNHEP pula membabitkan beberapa kementerian lain yang sudah tentu mengambil sedikit masa seperti:
 - i. MAFI (kawal selia pengeluaran dan bekalan makanan)
 - ii. MOF (dana)
 - iii. Kementerian Sumber Manusia (tenaga kerja)
- KPDNHEP tidak dapat menyelesaikan isu ini secara sendiri.
- Kerjasama rentas kementerian sangat penting bagi mendapatkan penyelesaian.
- Sebagai contoh, langkah MAFI mengimport ayam sejuk beku dilihat akan membantu menstabilkan harga ayam selepas berlaku lambakan ayam di pasaran.
- Dalam masa sama pengguna ada pilihan untuk dapatkan ayam yang lebih murah daripada ayam segar.
- Kualiti ayam sejuk beku setanding dengan ayam segar.

SOALAN 3

Boleh Dato' kongsikan apakah usaha-usaha dan langkah-langkah yang diambil KPDNHEP untuk menangani isu kenaikan harga barang ini?

STRATEGI BERTERUSAN

- Pengukuasaan operasi di setiap rantai pemasangan iaitu pengeluar, pemborong, peruncit - Ops Menu, Ops Pasar (Sayur 2, Ops Rantai, Ops Samar)
- 2,226 penguatakuasaan jalankan pemeriksaan setiap hari dan 1,000 pegawai pemantau harga kutip data harga setiap hari untuk mengesan sebarang perubahan harga, sebelum seterusnya bahagian pengukuasaan menjalankan siasatan lanjut dan langkah segera atas lonjakan harga.
- Skim Harga Maksimum Musim Perayaan
- Kebenaran pengilang, pemborong dan peruncit simpan tambahan bekalan keperluan asas sehingga 30 peratus - persediaan musim tengkujuh

STRATEGI RENTAS KEMENTERIAN DAN LIBAT URUS

INDUSTRI

- Libat urus dengan MAFI dan persatuan penternak untuk stabilkan harga.
- Penternak setuju untuk tidak naikkan harga ayam dan telur sehingga hujung tahun ini.
- KPDNHEP angkat cadangan untuk beri penternak pinjaman mudah untuk kurangkan tekanan kos operasi

INISIATIF SEGERA DAN STRATEGI JANGKA PENDEK

- Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (mula 7 Dis 2021) – 12 ITEM HARGA TERKAWAL
- Jualan Keluarga Malaysia – dirasmikan PM pada
- Bantuan subsidi baja dan racun RM262 juta kepada petani yang diumumkan PM
- Import 10,000 tan metrik ayam sejuk beku atau 5.5 juta ekor untuk stabilkan harga ayam di pasaran

MAKLUMAT OPS:

- i. **Ops Rantai (minyak masak)**
 - * bagi kesan peningkatan harga dan peniaga catut selepas kerajaan tetapkan harga siling minyak masak dalam botol bermula 1 Ogos 2021 (1KG-RM6.70 / 2KG-RM12.70 / 3KG-RM18.70 / 5KG-RM29.70)
- ii. **Ops Samar (mula 1 Ogos 2021)**
 - * pegawai menyamar sebagai pelanggan, berpakaian preman dan lakukan fest purchase
 - * 94 peniaga sudah dikenakan tindakan atas kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 / Akta Timbang Sukat 1972 dan Akta Kawalan Bekalan 1974
 - * Kompaun sudah dikeluarkan RM12,204.
 - * Berkesan dalam memerangkap peniaga tak beretika
- iii. **Ops Pasar (Sayur 2)**
 - * dilaksanakan susulan kenaikan harga sayur (mula 27 Nov)
 - * 237 NOTIS PENGESAHAN MAKLUMAT BARANGAN telah dikeluarkan setakat ini)
- iv. **Ops Menu (mula 6 November 2021)**
 - * periksa makanan bermasak susulan laporan siap Langkawi dan diperhebatkan selepas laporan berlaku kenaikan harga sayur dan barang mentah lain
 - * Lebih 4,000 premis diperiksa sehingga kini
 - * 52 kes dihasilkan dengan nilai kompaun RM14,200 setakat ini

SOALAN 4

Boleh Dato' komen lebih lanjut mengenai program jualan keluarga malaysia dan skim harga maksimum keluarga malaysia. Apakah perbezaan kedua-dua program ini yang dilihat boleh memberi manfaat dan meringankan bebanan rakyat mendepani kenaikan harga barang ini?

PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA

- Dilancarkan oleh YAB PM di PPR Kerinchi pada 2 Disember 2021
- Menawarkan pilihan barang keperluan seperti ayam, ikan, telur, sayur, minyak masak, gula, tepung, beras serta barangan proses dengan harga 20% lebih murah daripada pasaran
- Matlamat untuk membolehkan rakyat mendapatkan barang keperluan pada harga rendah daripada pasaran.
- Bantu ringankan bebanan kewangan rakyat dengan berbelanja lebih mesra poket.
- Diadakan di 222 kawasan Parlimen di seluruh negara
- Kerjasama melibatkan agensi kerajaan seperti FAMA, LKIM, NEKMAT, LPP, NAFAS serta pemain industri peruncitan
- Sebanyak 15 Jualan Keluarga Malaysia berlangsung serentak pada 4 dan 5 Disember di seluruh negara.
- Pada hari jualan di negeri-negeri pada 4 Disember,

SKIM HARGA MAKSIMUM KELUARGA MALAYSIA

- Untuk stabilkan harga barang
- Tetapkan harga kawalan 12 item elak lonjakan harga terutama menjelang perayaan Krismas yang akan menyaksikan peningkatan permintaan yang boleh mempengaruhi harga
- 12 item ialah AYAM HIDUP / AYAM STANDARD / TELUR AYAM GRED A, B DAN C / KACANG PANJANG / CILI MERAH / TOMATO / SAWI HIJAU / KOBIS BULAT IMPORT / TIMUN
- Senarai barang akan dikaji secara berterusan mengikut kesesuaian pasaran semasa.
- Dalam SHMKG ini harga maksimum runcit ayam standard RM9.30 sekilogram.
- Selepas kemasukan ayam import, harga mungkin lebih stabil dan rendah dan harga itu akan disemak semula ikut kesesuaian semasa.

SOALAN 5

- Kemasukan ayam import dikatakan akan membantu mempengaruhi paras harga ayam di pasaran kerana berlaku lambakan di mana penawaran akan melebihi permintaan. Adakah ini tidak memberi kesan kepada peniaga ayam segar?
- Kemasukan ayam import bersifat sementara untuk menstabilkan harga ayam di pasaran.
- Apabila berlaku lebihan penawaran berbanding permintaan, kita jangka ia dapat membantu menurunkan harga ayam di pasaran
- Ia juga bagi meningkatkan bekalan ayam dalam negara kerana bekalan yang terhad juga mempengaruhi harga.
- Bukan menindas peniaga tempatan kerana kita faham faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan kos pengeluaran dan kos operasi kepada mereka terutama sepanjang perniagaan terjejas ketika PKP.
- Import ayam langkah sementara bantu pemain industri ternakan ayam yang menghadapi masalah kekurangan pekerja ladang yang secara tidak langsung menganggu pengeluaran bekalan.

SOALAN 6

Kita lihat KPDNHEP lebih fokus dalam usaha menangani isu kenaikan harga barang keperluan seperti ayam dan sayur, sedangkan banyak laporan menyatakan kenaikan harga barang lain seperti bahan binaan, alat ganti kenderaan dan sebagainya. Apa respon KPDNHEP terhadap perkara ini?

- Kementerian ambil serius semua isu kenaikan harga kesan kepada kesejahteraan rakyat kerana kenaikan harga barang termasuklah bahan binaan dan alat ganti barang berkait dengan kos sara hidup rakyat.
- Jika ada aduan, kita akan siasat sekiranya wujud unsur pencatutan
- Di bawah kawal selia kementerian, bar bulat keluli lembut disenaraikan sebagai barang kawalan berjadual.
- Kementerian juga telah mengadakan sesi libat urus dengan syarikat bahan binaan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
- Ia juga babitkan Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pembangunan dan pembinaan negara dan difahamkan KKR sudah mengemukakan beberapa cadangan untuk mengatasi kenaikan harga bahan binaan.
- Kementerian juga sentiasa membuat pemantauan dan libat urus bagi mengetahui situasi yang dihadapi peniaga alat ganti kenderaan.

SOALAN 7

Setiap kali isu kenaikan harga barang berlaku, nasib pengguna akan terlebih dahulu jadi tumpuan. Bagaimana pula dengan peniaga terutama apabila kenaikan harga barang sukar dielak disebabkan mereka juga menerima bekalan dengan harga tinggi. Sejauh mana nasib peniaga terbelah?

- Setuju bahawa tidak semua peniaga suka ambil kesempatan dan ramai juga peniaga yang jujur dan bereti-ka dan bertahan walaupun tersepit dalam sesuatu keadaan apabila kos barang yang tinggi daripada pemberong.

- KPDNHEP bukan hanya bertanggungjawab jaga kepentingan pengguna, tetapi juga perlu adil dan seimbang kepada peniaga.
- Ini penting untuk pastikan kitaran ekonomi negara yang sihat.
- Sebab itu kementerian tidak sewenang-wenangnya boleh mengenakan harga siling.
- Sebab itu tindakan penguatkuasaan dibuat di semua peringkat. Jika peruncit kata dapat harga mahal daripada pemberong, kita akan siasat pemberong dan jika pemberong kata pembekal beri harga mahal, kita akan siasat pembekal.
- Manapun rantaian disiasat untuk kenal pasti jika mereka manipulasi harga dan yang didapati mencatut akan dikenakan tindakan.
- Kementerian juga adakan libat urus dengan pemain industri untuk pastikan harga yang sampai kepada pengguna ialah harga yang munasabah.

SOALAN 8

Bagaimana KPDNHEP melihat peranan persatuan pengguna untuk membantu kerajaan dalam menangani isu harga barang? Adakah kerjasama kpdnhep dan persatuan pengguna berkesan dalam mendidik masyarakat mengenai kuasa pengguna?

- Ya, kerjasama dengan persatuan pengguna amat penting.
- Persatuan juga perlu memainkan peranan lebih proaktif dalam memberi didikan kepada pengguna mengenai kuasa pengguna sebagai satu langkah menangani isu kenaikan harga barang.
- Juga dalam menyampaikan laporan-laporan dan aduan-aduan pengguna, persatuan perlu lebih telus dan elakkan mencetus situasi panik kepada masyarakat.
- Tinjauan saya baru-baru ini di beberapa pasar di Selangor mendapati benar harga sayuran import meningkat, tetapi sayuran tempatan masih stabil dan rendah.
- Di sinilah pengguna boleh memainkan peranan membuat pilihan bijak untuk perbelanjaan yang lebih mesra poket.

SOALAN 9

Bagaimana dato' melihat kenaikan harga barang ini memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat kerana kenaikan harga barang termasuklah bahan binaan dan alat ganti barang berkait dengan kos sara hidup rakyat?

- Saya juga mempunyai keluarga dan sanak saudara yang sama-sama terkesan dengan peningkatan harga barang sekarang.
- Tetapi perlu difahami bahawa kenaikan harga barang tidak dapat dielakkan atas banyak faktor yang telah disebutkan sejak awal tadi.
- Sebagai negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka dan pasaran bebas yang mana harga barang ditentukan oleh prinsip permintaan dan penawaran, kawalan harga ke atas barang tidak dapat dilaksanakan ke atas semua barang.
- Polisi kawalan harga yang tidak tersusun boleh menjelaskan kitaran ekonomi negara.
- Sebagai contoh Malaysia memang pengeluar minyak sawit, tetapi kelapa sawit kini menjadi komoditi dunia dan harganya dipengaruhi pasaran dunia.
- Harga sawit pada 2018 adalah RM2,500 per metrik tan tetapi kini meningkat kepada RM4,700 per metrik tan. Ini mempengaruhi harga minyak masak dalam botol yang tidak diberikan subsidi.
- Namun sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan membelanjakan berbilion ringgit setiap tahun untuk menangani isu kos sara hidup rakyat.

- Sebagai contoh kerajaan mengeluarkan 60,000 metrik tan minyak masak polibeg 1kg sebulan yang diberikan subsidi dan boleh didapati pada harga serendak RM2.50 seunit.
- Kerajaan sedar isu kos sara hidup perlu diberi perhatian serius dan menubuhkan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup yang kini dipengerusikan YAB PM.
- Mesyuarat pertama akan berlangsung 9 Disember ini.
- Untuk 2022, kerajaan melalui KPDNHEP diperuntukkan sejumlah RM1.15 billion yang memperlihatkan KPDNHEP mempunyai peranan penting dalam meneruskan kesinambungan program bersifat rakyat sentrik.
- Program-program subsidi yang dilaksanakan KPDNHEP ialah Program Pengedaran Barang Perlu / LPG dan Community Drumming / Program Penyeragaman Harga / Subsidi Penstabilan Minyak Masak / Subsidi Penstabilan Tepung Gandum kegunaan am.

SOALAN 10

Kita kini sudah di penghujung tahun. Dalam proses pemulihan ekonomi dan kehidupan rakyat pasca pandemik covid-19, apa program-program tumpuan dirancang kpdnhep untuk meningkatkan taraf ekonomi rakyat.

- Kementerian komited meneruskan program-program yang membantu pemulihan ekonomi rakyat.
- Kempen Bell Barangan Malaysia (KBBM)** – galakkan inovasi pengusaha dan galakan untuk rakyat utamakan barang tempatan.
- Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan** – melengkapkan peniaga luar bandar dengan transformasi pendigitalan yang boleh meningkatkan pasaran perniagaan mereka.
- Program Francais Mikro dan Mampu Milik** – menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan terutama kepada golongan M40 dan B40.
- Menjadikan francais sebagai peluang pendapatan untuk mereka yang terjejas seperti hilang pekerjaan ketika pandemik.
- Meneruskan program-program bantuan, Pengedaran Barang Perlu, LPG dan Community Drumming, Program Penyeragaman Harga dan Subsidi Minyak Masak 1kg polibeg dan Tepung Gandum Kegunaan Am.





Nilai: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melupuskan pelbagai barang rampasan termasuk barang tiruan berjumlah RM51.91 juta membabitkan pelbagai kesalahan di seluruh negara, tahun ini.

Pengarah Penguin Kuasa KPDNHEP Putrajaya Azman Adam berkata, pelupusan barang rampasan ini membabitkan tindakan kes di bawah pelbagai kesalahan antaranya membabitkan Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Jualan Langsung 1999, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Membabitkan barang rampasan berkaitan cetak rompak, barang tiruan dan standard keselamatan. Berdasarkan tindakan kes pengkompaunan dan pendakwaan, ia membabitkan sebanyak 1,868 kes barang sitaan yang dilupuskan tahun ini,"

Tuan Hajj Azman Adam

Beliau berkata demikian pada sidang media di Kompleks Penyimpanan Penguin Kuasa KPDNHEP di Kawasan Perindustrian Arab Malaysian di sini, hari ini.

Azman berkata, sepanjang tahun ini, Bahagian Penguin Kuasa KPDNHEP melakukan pelbagai operasi penguatkuasaan dan pemeriksaan berkaitan bekalan, harga, antipencatutan, ketirisan, cetak rompak, barang tiruan, halal, sewa beli, metrologi, skim anti piramid, jualan langsung dan penipuan pembelian dalam talian.

"Sehingga akhir September lalu, sebanyak 632, 242 premis diperiksa di seluruh negara dan sebanyak 8,782 tindakan sudah diambil membabitkan pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan berjumlah RM29.96 juta.

"Dalam tempoh sama juga, sebanyak RM4.11 juta kompaun juga dikeluarkan membabitkan 7,830 kes di seluruh negara.

"Selain itu, sebanyak 97 kes pula membabitkan tindakan pendakwaan di mahkamah dengan jumlah keseluruhan denda sebanyak RM798,292," katanya.

Beliau juga berkata, dari segi kesalahan di bawah Akta 342, KPDNHEP sudah mengeluarkan kompaun sebanyak RM5 juta, setakat ini.

Mengulas lanjut mengenai kegiatan penipuan pembelian dalam talian, katanya, pihaknya menerima sebanyak 22,274 aduan mengenai aktiviti berkenaan setakat September lalu.

"Kegiatan penipuan atau transaksi dalam talian adalah paling tinggi yang mana daripada jumlah keseluruhan aduan, lebih 9,000 membabitkan urus niaga dalam talian.

"Banyak isu berkaitan urus niaga dalam talian berlaku terutama sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Secara puratanya, aduan membabitkan penipuan dalam talian ini sahaja merangkumi sekitar 40 peratus terutama ketika PKP, daripada kes penipuan urus niaga lain," katanya.

KPDNHEP keluarkan kompaun RM17,000 daripada 58 kes Ops Menu



Jitra: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan kompaun RM17,000 daripada 58 kes ke atas peniaga dalam Ops Menu yang dijalankan di seluruh negara setakat ini.

Ops Menu yang bermula sejak 6 November sehingga 31 Disember mensasarkan peletakan tanda harga yang jelas dan

penggunaan alat timbang yang masih dalam penentusan.

Timbalan Pengarah Penguin Kuasa (Operasi) KPDNHEP Putrajaya, Shamsul Nizam Khalil berkata, antara kesalahan yang dilakukan ialah tidak meletakkan tanda harga, menggunakan alat timbang yang tidak ditentusahkan atau tamat tempoh serta harga yang mengelirukan.

Beliau berkata, daripada 58 kes itu, Sabah antara negeri yang merekodkan kes tertinggi diikuti Terengganu, Perak, Johor, Selangor, Melaka dan Sarawak.

"Setakat ini pihak KPDNHEP sudah melakukan pemeriksaan sebanyak 4,619 premis di seluruh negara dalam Ops Menu ini.

"Kita turut menerima 50 aduan daripada pengguna berkaitan harga makanan dan bahan mentah di negara ini dan seramai 2,200 pegawai KPDNHEP di seluruh negara digerakkan untuk melakukan pemeriksaan Ops Menu dan Ops Pasar.

"Kita mempunyai lebih 1,000 pegawai pemantau harga untuk melakukan kutipan harga di pasar raya, kedai runcit, pasar awam dan sebagainya manakala tugas penguin kuasa pula mengeluarkan kompaun," katanya.

Dalam pada itu, Shamsul Nizam berkata, pemeriksaan Ops Pasar turut dilakukan di 1,500 lokasi di seluruh negara ini dan sebanyak 480 barang direkodkan harga untuk mengenal pasti sama ada berlaku kenaikan atau sebagainya.

Beliau berkata, sekiranya berlaku kenaikan terhadap barang

Sejumlah RM1,634,181 nilai rampasan Berjaya dilakukan KPDNHEP Sabah

KOTA KINABALU: Sehingga 28 November 2021, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP) Sabah telah menjalankan 94,239 pemeriksaan ke atas premis perniagaan di seluruh Sabah.

Pengarah Pejabat KPDNHEP Sabah Georgie Abas berkata, daripada jumlah pemeriksaan itu sebanyak 1,133 tindakan kes telah dihasilkan berdasarkan pelbagai kesalahan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh KPDNHEP dengan nilai rampasan berjumlah RM1,634,181.

"Kutipan kompaun sepanjang tahun 2021 pula adalah sebanyak RM133,800, manakala jumlah denda bagi kes yang dituduh dan disabitkan kesalahan di mahkamah adalah sebanyak RM345,000.

"Bagi tahun 2021, kementerian telah mengeluarkan sebanyak 99 notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 kepada peniaga.

"Sebanyak 1,403 premis telah diperiksa di bawah OPS Pasar 2021 bagi barang Telur Ayam, Ayam, Sayur-sayuran dan Daging Lembut," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, kementerian itu juga telah menerima sebanyak 1,333 aduan pada tahun 2021 dan 1,306 daripada jumlah aduan tersebut telah pun disiasat.

Katanya, di antara aduan tertinggi yang diterima adalah aduan mengenai harga (519 aduan), transaksi atas talian (372 aduan), dan perkhidmatan yang mengelirukan (165 aduan).

"Kerjasama erat KPDNHEP Sabah dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Polis DiRaja Malaysia terutamanya Pasukan Polis Marin, Pasukan Gerakan Am dan Angkatan Tentera Malaysia pada tahun 2021 telah banyak membantu dalam usaha kementerian ini membanteras percubaan penyeludupan barang-barang kawalan seperti gas petroleum cecair, minyak masak bersubsidi, tepung gandum, gula, petrol RON95 dan diesel keluar ke negara jiran.

"Ini terbukti apabila KPDNHEP Sabah telah mengendalikan siasatan dan pendakwaan ke atas 64 kes serahan dengan nilai rampasan berjumlah RM817,393 yang diterima daripada agensi-agensi penguatkuasaan tersebut," katanya.

Menurutnya, KPDNHEP Sabah akan sentiasa mengadakan sesi libat urus dengan agensi-agensi penguatkuasaan agar tindakan penguatkuasaan berterusan serta lebih efektif dilaksanakan di kawasan-kawasan perairan dan sempadan negeri Sabah.

Katanya, para peniaga dan pengguna di Sabah juga telah memainkan peranan masing-masing dari segi pematuhan etika perniagaan dan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian ini di samping menjalankan tanggung jawab sebagai pengguna yang berhemah.

tempoh terbabit, pihaknya akan menyiasat apa sebabnya dan faktor berlakunya kenaikan harga terbabit.

"Setakat ini di Kedah, terdapat dua kes yang dikesan tidak meletakkan tanda harga bagi Ops Menu.

"KPDNHEP akan melaksanakan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) bermula Selasa ini sehingga 31 Disember ini sebagai langkah untuk menstabilkan harga barang keperluan pada masa ini, di samping memastikan kenderaan bekalan di pasaran.

"Selepas 7 Disember ini, sekiranya masih ada peniaga yang menaikkan hargabarangan dan melakukan kesalahan dengan tidak meletakkan tanda harga, harga yang mengelirukan serta kesalahan alat timbang, tindakan kompaun akan diambil serta-merta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melakukan pemeriksaan harga sayur-sayuran dan barang bahan mentah di Pasar Awam Jitra, di sini hari ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Penguin Kuasa Negeri (Operasi), Md Nasir Mohamad dan Ketua Pegawai Penguin Kuasa KPDNHEP Kubang Pasu, K Muniandy.

Sementara itu, Shamsul Nizam berkata, pihaknya bukan saja melakukan pemantauan terhadap harga semasa di peringkat pemborong, pengeluar, pengedar dan peruncit peniaga malah pemborong dan pengeluar bagi memastikan tidak berlaku kenaikan mendadak.

Keseimbangan Harga Penting bagi Pengguna dan Peniaga

Dalam wawancara Selamat Pagi Malaysia di TV1 RTM pada 15 Disember 2021 baru-baru ini, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad Ketua Setiausaha KPDNHEP mengulas tentang isu harga barang. Seperti yang umum ketahui dalam isu harga barang agak panas dikalangan pengguna. Kenaikan ini adalah disebabkan pelbagai faktor berkaitan rapat dengan peralihan yang berlaku, terutamanya selepas PKP, pembukaan ekonomi lebih luas seperti kebenaran majlis sosial, rentas sempadan dan negeri kemudian aktiviti pelancongan yang dibuka secara lebih meluas.

Pada waktu PKP permintaan adalah rendah, tiada majlis kenduri tiada dine-in restoran, tetapi apabila berlaku pembukaan ekonomi secara meluas terdapat perbezaan yang ketara antara peningkatan permintaan yang tinggi dengan keupayaan penawaran yang rendah. Ini adalah antara faktor berlakunya kenaikan harga secara mendadak.

Justeru itu kesediaan pasaran untuk menyediakan permintaan agak perlahan disebabkan beberapa faktor. Contohnya apabila permintaan ayam tiba-tiba mempunyai permintaan yang tinggi pada hari ini, perkara ini adalah suatu di luar kawalan kerana ayam sekurang-kurangnya memerlukan masa proses pembesaran lebih kurang 30 hari untuk diternak dan sebagainya. Jadi berlaku sedikit masalah di antara penawaran dan permintaan. Faktor produktiviti selain daripada ini adalah banyak, antaranya cuaca juga mempengaruhi pengeluaran. Jikalau dahulu walaupun musim tengkujuh berlaku tapi ia yang dapat ditangani oleh pekerja buruh asing yang ramai bekerja di sektor perladangan.

Tetapi apabila berlaku pandemik ini, ramai buruh asing mengambil kesempatan pulang ke negara masing-masing. Perkara ini berlaku apabila kerajaan membenarkan pekerja asing pulang ke negara asal, ada sebahagian daripada mereka yang masih belum pulang kembali ke Malaysia, jadi kekurangan pekerja asing ini juga menjasaskan produktiviti di ladang-ladang. Ada juga faktor-faktor kenaikan harga baja dan barang-barang menternak yang kita import daripada luar.

KPDNHEP bukan hanya bertanggungjawab menjaga kepentingan pengguna, tetapi juga perlu adil dan seimbang kepada peniaga. Ini penting untuk memastikan kitaran ekonomi Negara yang sihat. Oleh sebab itu, Kementerian tidak sewenang-wenangnya melaksanakan harga kawalan tanpa sebarang kajian atau analisa terhadap situasi semasa ke atas harga barang. Oleh sebab itu, Kementerian tidak sewenang-wenangnya melaksanakan harga kawalan tanpa sebarang kajian atau analisa terhadap situasi semasa ke atas harga barang.

Sebenarnya dari segi kitaran semulajadi harga barang di Malaysia ini bagi 10 hingga 15 tahun akan datang sememangnya ada kitaran-kitaran yang telah kita kenal pasti, contohnya musim tengkujuh, pada musim tengkujuh petani peternak

akan berhenti atau mengurangkan produktiviti kerana mendapati tidak menguntungkan atau keuntungan yang tidak banyak atas faktor penyakit dan lain-lain, maka kerajaan sudah menjangkakan akan berlaku penurunan bekalan pada waktu tersebut, oleh itu kerajaan akan mengimbangi dengan mengimport sayuran dari luar, perkara ini adalah jangkaan dalam tahun-tahun yang normal. Tetapi pada tahun 2021 keadaan adalah tidak normal, kerajaan mengambil keputusan mengimport barang yang telah di kenal pasti seperti ayam dan sayuran, seperti pada musim tengkujuh, namun barang-barang yang di import pada tahun ini juga tidak murah kerana inflasi juga berlaku pada negara-negara yg kita import tersebut, apa yg kita biasa lakukan untuk menampung bagi menstabilkan harga barang tahun ini juga berbeza kerana harga barang import juga adalah berbeza.

Jika tidak mengimport barang-barang dari luar, maka perlu ada alternatif lain seperti jika ada kawasan perladangan yang terkesan dengan musim tengkujuh, maka mestilah ada kawasan yang tidak terlibat dengan musim tengkujuh dapat meneruskan pengeluaran tanaman, hasil dan sebagainya. Tetapi pada masa kini tanaman-tanaman itu tertumpu pada kawasan yg terjejas dgn musim tengkujuh di mana kawasan tersebut adalah kawasan yang sesuai untuk kawasan tanaman, berbanding dengan kawasan lain yang struktur kawasannya adalah kering. Perkara ini menyebabkan kos pengeluaran meningkat. Mungkin lebih banyak lagi kawasan-kawasan penanaman perlu diperluaskan di seluruh negara dan tidak tertumpu pada satu kawasan sahaja.

Untuk tindakan jangka panjang kita ada mempunyai 1 platform di peringkat nasional iaitu Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusi YAB Perdana Menteri sendir dan dianggotai oleh pelbagai kementerian. NACCOL akan menggembeling semua kementerian yang terlibat termasuk MOF, KPDNHEP, MAFI, MOT dan MOHR. Terdapat tujuh (7) kluster di bawah NACCOL yang terdiri daripada kluster Pendidikan, Pengangkutan, Perumahan, Utiliti, Makanan, Kesihatan dan e-Dagang yang melibatkan

Kementerian-kementerian dan Agensi lain lama memerlukan kerjasama dan komitmen semua pihak bagi menangani isu kos sara hidup.


Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang ditubuhkan antara lain adalah bertujuan untuk memperkuuh dan menyelaras pelaksanaan strategi-strategi berkaitan kos sara hidup dengan berkesan melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepada.

Diperingkat majlis tersebut kita telah merangka pelbagai inisiatif, antaranya bagaimana menyelesaikan masalah kebergantungan kepada

“

Harga kawalan perlu pada harga yang munasabah, supaya ada keseimbangan diantara peniaga dan pengguna. Harga yang KPDNHEP tetapkan di dalam Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia adalah satu harga yang terletak pertengahan lalu memberi keuntungan kepada peniaga. Ini bermakna bekalan pengguna itu akan terus berada di pasaran dengan harga yang tidak terlalu tinggi. Kita tidak boleh memilih harga yang boleh merosakkan ekosistem perniagaan atau yang akhirnya menyebabkan bekalan tidak ada dipasaran.

Datuk Seri Hj Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad Ketua Setiausaha KPDNHEP



buruh asing, dengan cara seperti mungkin meningkatkan teknologi didalam pertanian. Jadi kita tidak perlu ramai tenaga buruh di ladang-ladang, untuk menggalakkan pekebun menggunakan teknologi seperti sedia ada, contohnya penggunaan dron utk menabur baja dan racun, adalah dianggarkan bahawa 1 dron boleh membuat kerja untuk 10 orang, dron ini sudah disotifikatid untuk menaburkan racun dan baja mengikut tempoh masa yang kita tetapkan, jadi kita boleh melihat bagaimana teknologi ini boleh bergerak seiringan dengan kebergantungan kepada penggunaan buruh asing.

Dari segi struktur juga kita boleh memendekkan lagi rantaian bekalan meliputi keseluruhan rantaian bekalan dari pengeluar, kepada pemborong dan peruncit hingga kepada pengguna. Lebih banyak rantaian bekalan lebih bayak kos lagi. Berkenaan isu orang tengah ini, dalam keadaan tertentu peniaga sepatutnya boleh mengelakkan peranan orang tengah ini dalam usaha untuk menurunkan harga barang. Contohnya di pasaraya harganya lebih murah berbanding premis-premis yang lain disebabkan oleh skala ekonomi pasaraya itu sendiri dan juga bekalan yang diperolehi oleh mereka adalah secara langsung/terus kepada pengeluar tanpa melalui orang tengah.

Namun begitu, kita tidak nafikan bahawa fungsi orang tengah juga adalah perlu bagi melancarkan proses pengedaran barang-barang kepada rantaian-rantaian pengedaran tertentu. Tanpa orang tengah juga mungkin akan berlaku sedikit gangguan terhadap proses pengedaran ini yang berkemungkinan pula akan berlaku gangguan terhadap bekalan barang tertentu.

Walaubagaimanapun, ini bukanlah menjadi satu alasan kepada orang tengah/pengedar untuk mengenakan harga atau mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan secara berlebihan (mencatut).

Jika peniaga di pasar mendakwa harga daripada orang tengah/pengedar terlalu tinggi dapatkan bukti pembelian melalui resit yang lengkap kemudian boleh dilaporkan kepada pihak KPDNHEP untuk tujuan siasatan lanjut.

Di bawah pemeriksaan OPS CATUT pula, bermula 1 Januari 2021 sehingga 30 November 2021, sebanyak 6,339 Notis di bawah Seksyen 21, AKHAP 2011 telah dikeluarkan kepada peniaga di setiap rantaian perniagaan dan pengedaran bagi menjalankan siasatan dan analisa sama ada berlaku pengambilan keuntungan secara tidak munasabah (mencatut) daripada peniaga terbabit atau sebaliknya. Ini termasuklah daripada peringkat pengeluar, pemborong, pengedar dan peruncit.

Ini akan menjadikan situasi yang lebih teruk. Walaupun skim harga maksimum harga masih lagi tinggi tapi harga ini adalah berdasarkan pada kos perniagaan pada ketika ini yang telah dibincangkan dengan pelbagai pihak temasuk agensi dan kementerian yang berkaitan seperti MAFI dan sebagainya. Ketetapan harga ini juga adalah ketika melihat di pasaran berdasarkan data-data yang kita kumpulkan setiap hari, KPDNHEP memantau di lebih 1500 premis setiap hari oleh lebih kurang 2,200 Pegawai Penguat Kuasa dan lebih 1,000 Pegawai Pemantau Harga di lokasi yang menjadi tumpuan pengguna seluruh Negara. Jadi berdasarkan data-data inilah kita membuat keputusan bahawa inilah harga seimbang yang dapat kita kawal melalui skim harga maksimum pada ketika ini. Kita akan terus pantau, dan mengumpulkan maklumat bagi ketetapan harga ini yang akan dikaji dari masa ke semasa.

Di dalam menangani isu kenaikan harga barang ini, semua pihak perlu bekerjasama termasuklah pemain industri untuk memastikan harga barang di dalam Negara kekal stabil dan berpatutan untuk dinikmati pengguna.

Semua sedia maklum bahawa ketika ini semua sedang menghadapi kesukaran kesan daripada pandemik Covid-19 yang melanda Negara. Kerajaan juga telah melaksanakan inisiatif dan usaha-usaha tertentu bagi merancakkan kembali aktiviti ekonomi Negara supaya ekonomi rakyat juga dapat dipulihkan.

Pihak industri sendiri perlu bersama-sama untuk membantu Kerajaan untuk memulihkan ekonomi dalam masa yang sama menjaga kepentingan pengguna agar tidak dibebani dengan kos sara hidup yang semakin meningkat dengan tidak menaikkan harga dan mengambil keuntungan secara tidak munasabah atau berlebihan.

“ Kita sedang mengambil tindakan bagaimana memendekkan lagi rantulan bekalan, lebih banyak rantulan lebih banyak kos yang perlu di bayar oleh pengguna akhirnya. ”

Datuk Seri Hj Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad Ketua Setiausaha KPDNHEP

APA YANG ANDA PERLU BUAT JIKA KENDEREAAN ANDA DITARIK BALIK?

Apa yang anda perlu buat jika kenderaan anda ditarik balik.

Sudah menjadi adat berhutang, jika tidak dibayar, maka barang yang dibeli perlu dipulangkan dan sekiranya tidak, akan datang rakan-rakan untuk membawa barang itu pulang ke tuannya.

Sebelum kita mulakan, kita harus faham bahawa pihak pemberi pinjaman (institusi kewangan contohnya) mempunyai hak untuk mengambil balik kenderaan itu jika bayaran tidak dilakukan dalam tempoh beberapa bulan, seperti yang dipersetujui oleh peminjam ketika mengambil pinjaman.

Namun begitu, pembeli juga masih mempunyai hak kerana pembayaran telah dilakukan, walaupun tidak penuh. Akta juga ada yang akan membela hak peminjam, yang juga seorang pengguna.

Siapakah yang boleh menarik kenderaan?

Biasanya institusi perbankan akan melantik penarik yang berdaftar dengan Persatuan Syarikat-Syarikat Sewa Beli Malaysia untuk menarik balik kenderaan bermotor. Sebelum menarik balik kenderaan bermotor, penarik mestilah menunjukkan kad pengenalannya, kad kuasa dan surat arahan penarikan yang dikeluarkan oleh institusi perbankan yang membenarkan penarik mengambil kenderaan bermotor tersebut. Anda boleh meminta untuk melihat kad pengenal dan kad kuasanya sebelum menyerahkan kenderaan bermotor anda.

Apakah proses yang terlibat di dalam penarikan balik kenderaan?

1. Sebelum menarik kenderaan anda, institusi perbankan perlu menghantar Notis Jadual Keempat yang merupakan notis bertulis yang menyatakan hasrat institusi perbankan untuk menarik kenderaan anda.
2. Notis ini akan luput dalam masa 21 hari. Notis kedua akan dikeluarkan 14 hari selepas tarikh notis Jadual Keempat, untuk memberitahu anda bahawa institusi perbankan berhasrat untuk menarik kenderaan anda selepas luput notis Jadual Keempat. Anda boleh mengelakkan penarikan kenderaan anda dengan membayar jumlah tertunggak seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keempat sebelum tempoh 21 hari atau memulangkan kenderaan tersebut kepada institusi perbankan sebelum tarikh luput.

Anda perlu menjelaskan baki hutang selepas ditolak nilai kenderaan tersebut.



Anda tanya?

KPDNHEP Jawab!

Saya telah menempah satu set sofa berharga RM9,500.00 daripada Syarikat BCD dimana sofa tersebut perlu diimport daripada Itali. Untuk pengetahuan pihak tuan saya telah membuat pembayaran penuh termasuk bayaran pengangkutan dimana jumlah keseluruhannya telah melebihi RM10,000.00. Bagaimanapun mengikut perjanjian set sofa tersebut hanya akan diserahkan selepas enam bulan dari tarikh tempahan. Malangnya selepas hampir satu tahun set sofa itu masih belum tiba dari Itali walaupun saya menggesa Syarikat BCD berkali-kali untuk memenuhi janji mereka.

Saya berasa amat kecewa dan tertipu lalu membuat tuntutan Tribunal untuk membatalkan tempahan dari Syarikat B dan wangnya dikembalikan setakat had maksimum tuntutan Tribunal iaitu RM10,000.00 bersama dengan RM130.00 untuk kos. Walaubagaimanapun Syarikat BCD enggan membatalkan tempahan tersebut dengan alasan mereka telah membuat tempahan bdaripada Itali. Apakah yang boleh saya lakukan?

Miza Adnan, Kuala Lumpur.

Jawapan:


Puan boleh mengisi Borang 5 di Tuntutan Tribunal Pengguna Malaysia (TPPM) kerana Syarikat BCD tidak memfailkan pembelaan. Syarikat BCD akan dikehendaki membayar wang sebanyak RM10,000.00 dan RM130.00 sebagai kos dalam tempoh 14 hari dari tarikh award yang telah diberikan kepada Puan.

Apakah yang akan berlaku selepas penarikan balik?

Dalam masa 21 hari selepas penarikan, institusi perbankan akan memberi kepada anda dan setiap penjamin notis Jadual Kelima yang membenarkan anda membayar balik jumlah hutang kepada institusi perbankan. Anda boleh meminta institusi perbankan untuk memulangkan kenderaan bermotor anda dengan:

- Menjelaskan semua jumlah yang tertunggak dan belanja tunai langsung (termasuk kos penyimpanan, pemberian atau penyelenggaraan, kos penarikan dan penghantaran balik) yang ditanggung oleh institusi perbankan; atau
- Membayar balik jumlah baki hutang sepenuhnya dan menyelesaikan semua belanja tunai langsung (termasuk kos penarikan, penyimpanan, pemberian atau penyelenggaraan

Sekiranya anda atau penjamin anda tidak menyelesaikan jumlah belum jelas seperti yang ditetapkan dalam notis Jadual Kelima dalam tempoh 21 hari selepas notis Jadual Kelima dihantar kepada anda, institusi perbankan berhak menjual kenderaan bermotor tersebut melalui lelongan awam atau menawarkan kepada anda untuk membeli kenderaan tersebut pada harga yang lebih rendah daripada harga anggaran yang ditetapkan dalam notis Jadual Kelima.



8 Hak Anda sebagai pengguna

- 1 Mendapatkan keperluan asas
- 2 Mendapatkan maklumat
- 3 Mendapatkan keselamatan
- 4 Menyuarkan pendapat
- 5 Pendidikan pengguna
- 6 Membuat pilihan
- 7 Mendapatkan ganti rugi
- 8 Mendapatkan alam sekitar yang sihat dan selamat